

31 JUL 2000

SYED HAMID-BANGLADESH

BANGLADESH MAHU DIPERTIMBANGKAN PUSAT PEMINDAHAN INDUSTRI

PUTRAJAYA, 31 Julai (Bernama) -- Bangladesh mahu dipertimbangkan sebagai lokasi penempatan semula industri berintensifkan buruh yang tidak diperlukan oleh Malaysia, demikian menurut Menteri Luar Datuk Syed Hamid Albar.

Langkah pemindahan semula lokasi industri yang memerlukan tenaga buruh yang ramai seperti industri tekstil ke Bangladesh akan melahirkan peluang pekerjaan di negara itu, katanya.

Syed Hamid berkata rombongan dari Bangladesh yang diketuai oleh Perdana Menteri Sheikh Hasina menyampaikan hasrat mereka agar Malaysia dapat memindahkan industri yang berintensifkan buruh ke negara itu ekoran perkembangan teknologi tinggi dalam industri di Malaysia.

"Mereka minta kita industri yang guna tenaga buruh yang ramai di sini dan yang kita tidak perlu lagi...yang lebih baik dialihkan ke negara lain untuk kita mengambil kira Bangladesh sebagai tempatnya," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas pertemuan dua hala antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan rakan sejawatannya dari Bangladesh itu di Jabatan Perdana Menteri (JPM), di sini hari ini.

Sheikh Hasina dan rombongannya tiba di sini petang ini untuk lawatan kerja empat hari bertujuan mempertingkatkan kerjasama ekonomi dan perdagangan dengan Malaysia serta hubungan dua hala.

Syed Hamid juga berkata rombongan Bangladesh mahu lebih banyak pelaburan Malaysia mengalir ke negara itu.

"Mereka mahu lebih ramai pelabur Malaysia melabur di Bangladesh," katanya.

Beliau berkata Malaysia berminat untuk mempertingkatkan penyertaan pelaburan dalam projek seperti telekomunikasi, pengeluaran gas, tenaga dan mengambil bahagian dalam kerja-kerja menaikkan taraf pelabuhan di Chittagong.

Syed Hamid berkata rombongan Bangladesh itu disarankan untuk mengadakan pertemuan dengan pihak swasta Malaysia bagi membincangkan isu-isu perniagaan.

Seramai 35 orang daripada 73 orang yang menyertai delegasi Bangladesh merupakan ahli perniagaan.

Malaysia merupakan pelabur ketiga terbesar di Bangladesh selepas Amerika Syarikat dan United Kingdom.

Sehingga akhir tahun lepas, pelaburan Malaysia di Bangladesh dianggarkan bernilai AS\$1,320 juta (AS\$1=RM3.80), sebahagian besarnya dalam sektor telekomunikasi, pengangkutan, pendidikan, penjana tenaga, loji LPG, petrokimia, perisian data, perabot dan industri-industri berasaskan pertanian.

Terdapat 33 syarikat Malaysia yang berdaftar dengan Lembaga Pelaburan Bangladesh.

Jumlah Perdagangan Malaysia dengan Bangladesh tahun lepas bernilai RM534.8 juta dengan imbangan perdagangan memihak kepada Malaysia yang eksportnya ke negara itu berjumlah RM507.2 juta.

Ekport utama Malaysia ke negara itu ialah minyak sawit, yang meliputi 15.7 peratus daripada jumlah ekport Malaysia sementara barangan lain yang dieksport termasuk kapal, bot dan struktur-struktur perikanan, benang tekstil, batu kapur dan bahan binaan serta zink.

Import Malaysia dari Bangladesh termasuk hasil laut, peralatan

fotografi, guni dan beg yang diperbuat daripada jut.

Syed Hamid berkata rombongan Bangladesh itu juga dicadangkan berbincang dengan Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) sempena lawatan mereka ke Cyberjaya esok bagi mendapatkan penerangan dan keperluan untuk menjadikan Chitaggong sebagai pusat teknologi. -- BERNAMA

LES OS